

SESI SOAL JAWAB (Q&A)
TAKLIMAT PELAKSANAAN SISTEM JAMINAN KUALITI TUNGGAL TVET:
PROSES PERMOHONAN CONVERSION PROGRAM AKADEMIK KE PROGRAM TVET

16 JULAI 2020 (RABU)

10.00 – 11.30 PAGI

LIVE WEBINAR

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|------|--|--|
| 1. | Adakah 60%-70% komponen praktikal dalam struktur kurikulum TVET terpakai untuk semua Tahap kelayakan 1 -5 MQF? | <p>Berikut merupakan peratusan komponen praktikal bagi program TVET mengikut Tahap MQF:</p> <p>Sijil TVET Tahap 1-3 MQF: Sekurang-kurangnya 70%</p> <p>Diploma TVET Tahap 4 MQF: Sekurang-kurangnya 60%</p> <p>Diploma Tambahan TVET Tahap 5 MQF: Sekurang-kurangnya 60%</p> |
| 2. | Adakah 60%-70% komponen praktikal dari komponen <i>discipline core</i> sahaja atau termasuk <i>common core</i> dan <i>elective</i> ? | Komponen praktikal adalah dari <i>discipline core</i> sahaja. |
| 3. | Adakah <i>Final Project</i> merupakan keperluan struktur kurikulum bagi program TVET Tahap 4 dan Tahap 5 MQF sahaja? | Ya. |
| 4. | Adakah permohonan yang menggunakan NOSS sebagai OISP perlu dihantar kepada JPK manakala permohonan yang menggunakan GGP: <i>Work-Based Learning</i> (GGP: WBL) sebagai OISP perlu dihantar kepada MQA? | <p>Jika PPT menggunakan NOSS sepenuhnya sebagai OISP dan ingin mendapatkan pentauliahan JPK, PPT perlu menghantar permohonan kepada JPK.</p> <p>Jika PPT menggunakan GGP: <i>Work-Based Learning</i> (GGP: WBL) sebagai OISP, PPT perlu</p> |

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|------|---|--|
| | | menghantar permohonan kepada MQA. |
| 5. | Adakah penilaian program TVET di universiti berstatus swaakreditasi dilaksanakan oleh universiti berkaitan atau MQA? | Universiti berstatus swaakreditasi boleh melaksanakan penilaian sendiri program TVET dengan menggunakan instrumen penilaian yang dibangunkan oleh MQA. |
| 6. | <p>PPT menjalankan program Diploma Tahap 4 MQF, program teknikal TVET dengan mendapat akreditasi MQA di bawah badan profesional ETAC.</p> <p>Adakah program seperti ini perlu melalui proses <i>conversion</i> kepada COPTPA?</p> <p>Di manakah kedudukan akreditasi badan profesional seperti ETAC dan MBOT atas program TVET?</p> | <p>MQA telah mengadakan perbincangan dengan MBOT dan Manual MBOT akan diselaraskan dengan COPTPA.</p> <p>MQA akan mengadakan perjumpaan dengan pihak ETAC dalam masa terdekat bagi membincangkan isu penyelarasan dengan COPTPA.</p> |
| 7. | Adakah Sijil Kolej Komuniti yang melalui penilaian program TVET boleh mendapat pinjaman PTPK? | Pinjaman PTPK diberikan kepada Pusat Bertauliah di bawah JPK sahaja. |
| 8. | Bagaimana dengan program baharu yang menggunakan pakai Standard TVET dan COPTPA? | Permohonan program baharu TVET akan diberikan kod program TVET dan diklasifikasikan sebagai program TVET jika memenuhi skop TVET serta menggunakan OISP yang disenaraikan dalam Daftar OISP. |
| 9. | Adakah PPT yang memohon untuk melalui proses <i>conversion</i> perlu menjadi Pusat Bertauliah JPK kerana akan menggunakan pakai NOSS SPKM? | Jika PPT menggunakan NOSS sepenuhnya sebagai OISP dan ingin mendapatkan pentauliah JPK, PPT perlu berdaftar sebagai Pusat Bertauliah JPK dan |

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|------|---|--|
| | | <p>menghantar permohonan kepada JPK.</p> <p>Jika PPT menggunakan GGP: <i>Work-Based Learning</i> (GGP: WBL) sebagai OISP, PPT perlu menghantar permohonan kepada MQA.</p> |
| 10. | Adakah <i>final project</i> turut terpakai kepada pelajar Sijil TVET Tahap 3 MQF? Sekiranya YA, apakah nilai kredit yang terlibat? | <i>Final Project</i> bukan merupakan keperluan struktur kurikulum bagi program TVET Tahap 3 MQF. Ia merupakan keperluan struktur kurikulum bagi program TVET Tahap 4 dan Tahap 5 MQF sahaja. |
| 11. | Sekiranya tiada OISP dan NOSS spesifik bagi program daripada bidang tertentu, adakah program akan kekal sebagai program akademik dan tiada keperluan <i>conversion</i> ? | <p>Ya.</p> <p>Melainkan terdapat OISP yang ingin dicadangkan oleh PPT/industri untuk dipertimbangkan oleh pihak MQA dan JPK.</p> |
| 12. | Memandangkan program TVET memerlukan penglibatan besar industri seperti mana yang ditetapkan dalam COPTPA, adakah pihak industri sedia maklum akan perkara ini? Dikhuatiri terdapat sesetengah industri yang belum bersedia untuk bekerjasama dengan PPT. | Pihak MQA dan JPK telah melaksanakan <i>engagement</i> yang sewajarnya dengan pelbagai industri. |
| 13. | Adakah PPT masih perlu mematuhi keperluan Standard Program MQA sekiranya menggunakan COPTPA? | PPT masih perlu memenuhi ketetapan <i>Body of Knowledge</i> (BOK) Standard Program berkaitan beserta Standard TVET dalam COPTPA. |

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|------|---|--|
| 14. | Adakah program Diploma Tahap 4 MQF di bawah akreditasi ETAC dan MBOT terlibat dengan akreditasi tunggal TVET? | Manual MBOT dan Manual ETAC akan diselaraskan dengan COPTPA. |

Sekiranya PPT ingin mendapatkan maklumat lanjut berkaitan **permohonan baharu program TVET** dan **permohonan conversion program akademik kepada program TVET**, mohon hubungi **Puan Mazlinawati Binti Mohamed** di alamat e-mel mazlinawati@mqa.gov.my.

Disediakan oleh:
Unit Dasar
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
MQA
20 Julai 2020